



Putrajaya bandar raya bestari

BH 31/10/2003 - 25 PRECISE

Oleh Fazi Abdullah

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad adalah arkitek Putrajaya. Beliau menjadi pencetus idea dan perancang pembangunan kawasan hutan dan estet Prang Besar, Sepang kepada sebuah bandar raya bestari yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan yang baru.

Putrajaya menjadi bandar raya taman pintar bertaraf antarabangsa dan kebanggaan negara kerana kehebatan perancangannya. Kini, namanya bukan saja meniti di bibir mulut rakyat tetapi dikenali di peringkat dunia.


Pembangunan Putrajaya yang menyerlahkan kemampuan anak watan membina sebuah bandar raya berwawasan yang mempunyai identiti tersendiri dan dikagumi dunia.

Gelaran arkitek Putrajaya kepada Dr Mahathir diberikan pemaju Putrajaya, Putrajaya Holdings Sdn Bhd sebagai menghargai kepimpinan dan panduan Perdana Menteri terhadap pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

"Putrajaya bukan saja menjadi pusat pentadbiran baru negara, malah mempamerkan kreativiti, teknologi, kebudayaan, warisan dan kecantikan semula jadi bandar raya taman pintar oleh rakyat Malaysia.

"Kita ingin merayakan semangat 'The Making of Putrajaya' dengan memberi penghargaan kepada Dr Mahathir yang membangunkan Putrajaya dengan penuh kreatif dan berwawasan," kata Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Mohd Hashim Hassan, baru-baru ini.

Kehebatan idea Dr Mahathir juga diiktiraf Persekutuan Persekutuan Kejuruteraan Asean (Afeo) dengan menganugerahkan Felo Kehormat, baru-baru ini. Afeo adalah badan bukan kerajaan yang bernaung di bawah Sekretariat Asean dan kini dianggotai 10



PEMANDANGAN indah di Wetlands.

institusi kejuruteraan dan arkitek dari negara anggota Asean.

Kesungguhan Dr Mahathir menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya yang mempunyai identiti sendiri, terpancar daripada keprihatinannya dan tumpuan yang diberikan kepada perancangan dan pembangunan pusat pentadbiran kerajaan itu.

Perdana Menteri sendiri 'turun padang' untuk melihat kerja-kerja membangunkan Putrajaya dan sanggup berkuda untuk menyaksikan secara lebih dekat. Malah, Dr Mahathir pernah berjoging di Boulevard hingga Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) untuk mengetahui perkembangan kerja yang dilakukan.

"Perdana Menteri memberi tumpuan kepada setiap projek di Putrajaya. Beliau bukan saja berkereta tetapi berkuda untuk melihatnya," kata Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Putrajaya seluas 4,931 hektar, adalah bandar terancang yang dibina berasaskan garis panduan dan polisi komprehensif berkaitan

kgunaan tanah, sistem pengangkutan, utiliti, kemudahan awam, infrastruktur, perumahan dan teknologi maklumat.

Kedudukannya begitu strategik iaitu 25 kilometer di sebelah selatan Kuala Lumpur dan 20 kilometer di sebelah utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang serta bersempadan dengan Cyberjaya yang menempatkan syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perancangan pembangunan Putrajaya terbahagi dua iaitu kawasan utama dan pinggir. Ia adalah sebuah bandar raya yang dikelilingi tasik buatan manusia iaitu Tasik Putrajaya dan dihubungkan dengan lapan jambatan.

Dengan tersergam indah mercu tanda seperti PCC yang bertaraf antarabangsa dihubungkan dengan Bangunan Perdana Putra oleh Boulevard sepanjang 4.2km Jambatan Seri Wawasan, Istana Melawati dan Masjid Putra, menjadikan Putrajaya begitu gah.

Pembangunannya yang mengambil kira aspek hubungan manusia dengan alam sekitar,

menjadikan Putrajaya sebuah bandar raya yang begitu damai dan tenang, jauh daripada kesibukan berbanding bandar raya lain di mana-mana negara.

Kini, nama Putrajaya terpampang dalam peta dunia bukan saja sebagai ibu kota pentadbiran Malaysia tetapi destinasi pelancongan terkenal di peringkat antarabangsa. Ia diiktiraf sebagai model pembangunan bersepadu yang menitikberatkan pelbagai aspek, tanpa mengorbankan unsur semula jadinya.

Sebagai bandar raya serba moden, Putrajaya akan memiliki sistem pengangkutan awam yang berkesan dan teratur bagi kemudahan orang ramai. Sistem pengangkutan awam dibahagikan kepada dua iaitu pengangkutan luaran dan dalaman, iaitu daripada jalan raya kepada laluan ERL dan monorel.

Mengimbangi pembentukan Putrajaya, ia bermula dengan idea Dr Mahathir untuk mewujudkan pusat pentadbiran kerajaan di luar Kuala Lumpur pada pertengahan 1980-an. Pada 2 Jun 1993, Kabinet meluluskan Prang Besar di Sepang, sebagai tapak pembangunan itu.

Pada 22 Februari 1994, Kabinet meluluskan pelan induk pusat pentadbiran baru Kerajaan Pusat. Lapan bulan selepas itu, nama Prang Besar ditukar kepada Putrajaya sebagai menghormati Perdana Menteri Malaysia pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tanggal 10 September 1996, Perdana Menteri melakukan pecah tanah bagi Presint Kerajaan dan diikuti pelancaran Putrajaya sebagai bandar raya oleh Dr Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra pada Oktober 1997.

Pembangunan Putrajaya dibahagikan kepada dua fasa dalam tempoh 10 tahun yang dijangka membabitkan perbelanjaan RM20.9 bilion. Fasa pertama bermula dari 1996-2000, membabitkan perbelanjaan RM9 bilion bagi pembangunan prasarana di kawasan seluas

2,500 hektar.

Fasa kedua dari 2000 hingga 2005 membabitkan kemudahan komersial bernilai RM11.5 bilion meliputi kawasan seluas 1,870 hektar. Apabila siap sepenuhnya, Putrajaya dijangka mempunyai penduduk seramai 350,000 dan 67,000 unit rumah kediaman. Ia juga akan mempunyai ruang komersial kira-kira tiga juta kaki persegi.

Selepas kira-kira tiga tahun dibangunkan, Putrajaya mula diduduki, didahului Bahagian Keselamatan Negara dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Ia mencipta sejarah bagi Putrajaya kerana menjadi pejabat kerajaan pertama beroperasi di Kompleks Pejabat Perdana Menteri pada 31 Mei 1999.

Perdana Menteri secara rasmi memulakan tugas di pejabat baru pada 21 Jun 1999 dan diikuti Mesyuarat Kabinet pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, dua hari selepas itu.

Pada 1 Februari 2001, Dr Mahathir melakukan upacara perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Dataran Perdana, Putrajaya.

Dengan cetusan dan sentuhan idea Dr Mahathir, Putrajaya kini tersergam indah. Perdana Menteri bangga dengan Putrajaya yang dirancang dengan teliti dan dibangunkan oleh rakyat Malaysia sendiri, sekali gus mencerminkan apa yang dapat dicapai dengan semangat Malaysia Diperbadankan, bagi mencapai Wawasan 2020.

Projek pembangunan Putrajaya adalah lambang kejayaan dan kecemerlangan Malaysia dalam pelbagai bidang pembangunan. Pembangunan Putrajaya sebenarnya adalah kejayaan dan kecemerlangan yang akan diwarisi oleh generasi Malaysia akan datang.

Kehebatan perancangan bandar raya Putrajaya bukanlah terletak kepada bangunan pencakar langit, malah tiada bangunan tinggi dibina. Sebaliknya, setiap binaan ada kehebatan dan nilai tersendiri seperti reka bentuk tradisional dan Islam.

Perancangan pembangunannya memberi tumpuan kepada pemeliharaan eko-sistem dan pada masa sama menggalakkan dan mewujudkan suasana kehidupan yang aktif, harmonis dan membentuk masyarakat penyayang. Ia direka bentuk dengan memberi ruang kepada bentuk kehidupan yang bebas daripada tekanan kehidupan moden masa kini.

Kini Putrajaya tersergam indah dan menjadi kebanggaan negara. Apa yang penting, rakyat perlu menjadikan Putrajaya sumber inspirasi sebagaimana kesungguhan Dr Mahathir merencanakan pembangunannya.

Ini dipesan sendiri Dr Mahathir dalam sajaknya bertajuk 'Di Atas Runtuhan Kota Melaka, Kita Dirikan Putrajaya'. Berikut adalah dua bait terakhir sajak berkenaan.

**Dari sini kita menyusun langkah dengan yakin
Membina bangsa dengan cara kita
Bangga dengan apa yang ada
Menghadapi cabaran dengan segala ketahanan
Cukup tangkas menangkis
dari menjadi korban kali kedua**

**Putrajaya
Lambang negara bangsa merdeka
Putrajaya
Lambang negara bangsa merdeka
Putrajaya
Lambang negara bangsa merdeka.**



PUSAT Konvensyen Putrajaya.



PEMANDANGAN pusat pentadbiran Putrajaya ketika persiapan persidangan OIC.



PERDANA Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina mendengar penjelasan Dr Mahathir mengenai Masjid Putra dari pejabat Perdana Menteri.

